

MARKAH PENUH : 100 MARKAH
BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1: 8 markah

Soalan 2: 6 markah

Soalan 3: 11 markah

Soalan 4: 6 markah

Soalan 5: 4 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata nama terbitan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata nama terbitan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 - Morfologi

(i) pinjaman

1. apa-apa yang dipinjam atau dipinjamkan
2. hutang

(ii) pembiayaan

- perihal membiayakan atau membiayai

(iii) barangan

- benda atau perkhidmatan yang dijualbelikan

(iv) kebiasaan

- hal yang biasa dilakukan, adatnya, biasanya

(v) kewangan

1. perihal wang (keadaan atau urusan wang)
2. segala sesuatu yang berkaitan dengan wang

(vi) kehendak

1. hajat hati
2. keinginan
3. kemahuan yang keras

(vii) keperluan

1. perihal perlu
2. sesuatu yang diperlukan, keharusan, kemestian
3. sesuatu yang diperlukan (dikehendaki), sesuatu yang berguna, kepentingan, hajat, kehendak, maksud, tujuan

(viii) pengetahuan

1. perihal mengetahui
2. perihal tahu, kepandaian, kebijakan
3. ilmu pengetahuan, segala yang diketahui atau dipelajari berkenaan sesuatu

(ix) pengurusan

- perihal (kerja) mengurus sesuatu, perihal mengurus (syarikat, badan perniagaan)

(vii) perbelanjaan

1. cara atau kaedah mengeluarkan wang; hal berbelanja.
2. apa-apa yang dibelanjakan

(viii) kebebasan

- keadaan atau hal bebas

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 2 - Sintaksis

- (i) Pihak kerajaan telah mengisytiharkan bahawa tarikh 31 Ogos sebagai cuti umum pada setiap tahun sempena Hari Kebangsaan.

Bahawa tarikh 31 Ogos telah diisytiharkan oleh pihak kerajaan sebagai cuti umum pada setiap tahun sempena Hari Kebangsaan.

- (ii) Pihak penganjur turut membabitkan lebih 20 ribu orang peserta dalam acara perarakan.

Lebih 20 ribu orang peserta turut dibabitkan oleh pihak penganjur dalam acara perarakan.

- (iii) Pihak kerajaan menyediakan perkhidmatan bas ulang-alik secara percuma untuk orang awam bagi kemudahan rakyat yang ingin menyaksikan sambutan tersebut.

Perkhidmatan bas ulang-alik disediakan oleh pihak kerajaan secara percuma untuk orang awam bagi kemudahan rakyat yang ingin menyaksikan sambutan tersebut.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 3 - Penyuntingan

Bahan 1

- | | |
|--------------------|--------------|
| 1. taraf | - tahap |
| 2. adalah | - ialah |
| 3. Selain daripada | - Selain |
| 4. lanskap | - landskap |
| 5. memperolehi | - memperoleh |
| 6. cikgu | - Cikgu |

Bahan 2

- | | |
|-------------------|------------------------------|
| 1. kurantin | - kuarantin |
| 2. perhatian | - pandangan/cadangan/saranan |
| 3. Jika sekiranya | - Jika / Sekiranya |
| 4. dijadi | - dijadikan |
| 5. dipermudahkan | - dipermudah |

[Maksimum: 11 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan Bahasa Melayu klasik kepada Bahasa Melayu Standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	6
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5-6
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Kertala Sari berjalan keluar masuk sesuka hati di seluruh kampung orang-orang kaya dan saudagar. Setelah diketahui oleh Kertala Sari, dia masuk menyamar sebagai orang Patih Kerma Wijaya. Pada masa itu, Kertala Sari masuk seorang diri mengikut Patih Karma Wijaya menemui orang Jawa yang ramai itu. Kertala Sari melihat semua hulubalang yang ditemui itu seorang demi seorang.

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 5: Peribahasa

Markah

- | | |
|---|---|
| (i) bagai dakwat dengan kertas /bagai inai dengan kuku / bagi lesung dengan antan/ bagi hempedu lekat di hati | 2 |
| (ii) usaha tangga kejayaan / yang bulat tidak datang bergolek yang pipih tidak datang melayang / jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya/ hendak seribu daya tak hendak seribu dalih | 2 |
| (iii) bagai gagak pulang ke benua / bagi belut pulang ke lumpur / setinggi-tinggi terbang bangau akhirnya hinggap ke belakang kerbau | 2 |

(bagai sirih pulang ke gagang – tidak diterima)

[Maksimum: 4 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi Soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan bagi soalan pemahaman**1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

Markah

(i) Maksud

- | | |
|-----------------------------|---|
| - menyelidiki / pengetahuan | 2 |
| - menerokai / pengetahuan | 1 |
| - menyelidiki / ilmu | 1 |

(ii) Perkara

Bahan 1

- | | | |
|----|--|---|
| P1 | mengenal pasti tahap interaktiviti yang akan dilaksanakan | 1 |
| P2 | menggunakan strategi penilaian yang sesuai untuk memantau perkembangan murid secara sistematik | 1 |

Bahan 2

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | memahami matlamat Pembelajaran Teradun dengan menyatakan prinsip Pembelajaran Masteri | 1 |
| P2 | menjelaskan peranan Pembelajaran Masteri dalam meningkatkan tahap pencapaian murid | 1 |

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Kepentingan

- | | | |
|----|---------------------------------------|---|
| P1 | peluang kerjaya / pekerjaan | 1 |
| P2 | meningkatkan taraf hidup | 1 |
| P3 | disanjung tinggi oleh masyarakat | 1 |
| P4 | menguasai kemahiran tinggi | 1 |
| P5 | melahirkan rakyat minda kelas pertama | 1 |

(Kepentingan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Tindakan-tindakan (selain kelas tambahan atau tuisyen)

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | meminta nasihat daripada ibu bapa / ahli keluarga | 1 |
| P2 | meminta nasihat daripada guru | 1 |
| P3 | meminta bantuan rakan-rakan lain | 1 |
| P4 | mewujudkan kumpulan belajar | 1 |
| P5 | membuat ulang kaji | 1 |

(Tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7

Markah

(i) Pesanan

P1	selamat tinggal awan	1
P2	selamat tinggal matahari dan bulan	1
P3	kupu-kupu sayang	1
P4	burung-burung yang bersarang	1
P5	anak-anak yang bermain riang	1

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(ii) Kesan pembangunan

Bahan 1

P1	jentera / jentolak / traktor menumbangkan pokok	1
P2	pokok-pokok beringin tumbang / rebah	1

Bahan 2

P1	kera dan monyet melompat, bergayutan dan lari meninggalkan habitatnya	1
P2	gajah, babi hutan, payau, dan kijang tidak sempat menyelamatkan diri	1
P3	seekor dua ular melata mati terjepit / tersepit di celah gigi roda besi	1
P4	ayam hutan dan burung-burung terbang	1
P5	ayam hutan dan burung-burung lemah kepanasan sayap akibat sesak nafas kerana terhidu asap hitam daripada cerobong jentolak	1
P6	keruing, selangan batu, belian, kapur, seraya, dan aneka tumbuhan lainnya rebah menyembah bumi	1
P7	daun yang berguguran	1
P8	Kabus perlahan-lahan meruap naik ke udara	1
P9	Matahari terik yang menghangatkan maya	1
P10	hutan dara hilang sekelip kata	1

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Usaha-usaha

P1	mewartakan / mewujudkan hutan simpan	1
P2	mengadakan pemantauan berkala / berjadual	1
P3	menguatkuasakan undang-undang kepada pihak yang bersalah / saman / denda / menggantung lesen	1
P4	aktiviti penanaman pokok semula	1

(Usaha yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

(iv) Tindakan

P1	menghantar surat bantahan kepada pihak berkuasa / kerajaan	1
P2	mengadakan demonstrasi secara aman	1
P3	mengambil gambar sebagai bukti	1
P4	menularkan isu tersebut dalam media massa	1
P5	mengambil tandatangan penduduk / membuat petisyen	1

(Tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

(ii) Dua peristiwa yang dapat dijadikan panduan hidup

A. LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA karya Abdul Latip bin Talib

1. Peristiwa Adnan menghunus keris kayu pemberian ayahnya lalu menikam batang pisang. Adnan memberitahu ayahnya bahawa dia ingin menjadi seperti Hang Tuah yang pandai bersilat dan berani berlawan dengan musuh.

Huraian: Sikap anak muda yang berani walaupun masih muda.

2. Peristiwa Adnan yang rajin membantu ayahnya bekerja. Setiap hari Adnan akan mengikut ayahnya ke kebun getah ataupun ke sawah.

Huraian: Seorang anak sanggup meringankan beban bapanya untuk mencari rezeki.

3. Peristiwa Adnan menyertai pertandingan syarahan bahasa Inggeris. Walaupun Adnan tidak fasih berbahasa Inggeris tetapi dia berlatih dengan bersungguh-sungguh. Adnan telah menjadi juara dalam pertandingan tersebut.

Huraian: Kesungguhan seseorang pasti akan mendapat kejayaan.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

B. DI SEBALIK DINARA karya Dayang Noor

1. Peristiwa Farisha berbincang dengan abangnya dahulu iaitu Azraai sebelum mengambil keputusan untuk menerima tawaran daripada Aqram mengenai projek di Soft Lab sebanyak RM 1.5 juta.

Huraian: Tindakan merujuk dan mendapatkan nasihat sebelum membuat sebarang keputusan untuk mengelakkan sebarang masalah pada masa hadapan.

2. Peristiwa Farisha dan Rosman bekerjasama dalam memajukan syarikat milik mereka dengan bijak membahagikan tugas. Rosman mengurus projek di Senawang manakala Farisha mengurus projek yang ditawarkan oleh Soft Lab.

Huraian: Perancangan yang teratur dan saling bekerjasama untuk memajukan syarikat.

3. Peristiwa Azraai yang berani mengambil risiko untuk memberitahu Farisha bahawa dia merupakan anak angkat dalam keluarganya yang diserahkan ketika dia berumur 26 tahun yang lepas walaupun dia tahu adik angkatnya itu akan berasa sedih mengetahui kebenaran.

Huraian: Keberanian dan kejujuran seseorang yang diamanahkan dalam menyatakan sesuatu perkara biarpun sukar dilakukan bagi mengelakkan sebarang masalah.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

C. JENDELA MENGHADAP JALAN karya Ruhaini Matdarin

1. **Peristiwa Lili berjaya menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga Che Jah dengan bantuan Puan Hamimah, Pegawai Kebajikan Masyarakat.**

Huraian: Seseorang yang berada dalam kesusahan perlu dibantu supaya dapat meringankan beban mereka.

2. **Peristiwa orang kampung akhirnya bersetuju meletakkan kubah di masjid baharu. Orang kampung selama ini berpecah kepada dua golongan, Golongan tua mahu kubah diletakkan di surau. Golongan muda mahu meletakkan kubah di masjid baharu yang akan dibina.**

Huraian: Penduduk kampung bersepakat dan tidak lagi berpuak-puak.

3. **Peristiwa Lili berasa bahagia semasa melihat ibunya berbual-bual mesra dengan datuk semasa ibu pulang ke kampung untuk menjemput Lili pulang ke Kuala Lumpur.**

Huraian: Seorang anak perlu mempunyai hubungan yang rapat dengan ibu bapanya walaupun sudah berkeluarga dan memiliki kerjaya yang baik.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

D. PANTAI KASIH karya Azmah Nordin

1. **Peristiwa Doktor Raiha yang telah mengusap dahi Felicia Landosi sambil tersenyum, dan menasihatinya. Doktor Raiha bersedia memaafkan Felicia Landosi dan menerima semua takdir itu dengan menyatakan bahawa mereka merupakan mangsa keadaan.**

Huraian: Doktor Raiha telah memaafkan kesilapan Felicia Landosi dan beliau pasrah menerima takdir hidupnya.

2. **Peristiwa keberanian Doktor Raiha mempertikaikan kegagalan pembedahan yang telah dijalankan oleh Doktor Uwang. Doktor Raiha berani mempertikaikan kegagalan majikannya, Doktor Uwang semasa menjalankan pembedahan terhadap Unong Siron sehingga pesakit itu dibedah sebanyak 6 kali.**

Huraian: Doktor Raiha sanggup mempertahankan kebenaran walaupun terpaksa berhadapan dengan ketuanya sendiri.

3. **Peristiwa kesanggupan Dr. Raiha meneruskan kandungan walaupun telah disuruh oleh suaminya, Dr. Sadiz supaya menggugurkan kandungan tersebut setelah didapati cacat kerana akan menjatuhkan maruahnyanya sebagai seorang doktor pakar.**

Huraian: Kasih sayang seorang ibu terhadap anak tidak terbatas dan sanggup berbuat apa-apa sahaja demi kebahagiaan mereka.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

E. SONGKET BERBENANG EMAS karya Khairuddin Ayip

1. **Peristiwa Cikgu Daim datang ke rumah Dahlia untuk menyampaikan berita Dahlia terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke Jepun.**

Huraian.: Sikap ambil berat dan kesungguhan seorang guru untuk memastikan maklumat sampai kepada anak murid.

2. **Peristiwa Tauke Lim dan penduduk kampung mengutip derma untuk membantu Dahlia melanjutkan pelajaran.**

Huraian: Keprihatinan masyarakat dalam membantu golongan miskin dan berjaya membanggakan masyarakat kampung dengan kejayaan menyambung pelajaran ke luar negara.

3. **Peristiwa pertunangan Azhari dengan Dahlia yang telah lama berkawan sejak bangku sekolah menengah.**

Huraian : Restu keluarga dalam pertunangan walaupun Dahlia akan melanjutkan pengajian ke luar negara.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

F. TIRANI karya Beb Sabariah

1. **Peristiwa Waheeda mendapatkan khidmat kaunseling daripada Dr. Qamariah yang menasihati Waheeda bahawa beliau perlu menyedari kesilapan diri sendiri atas setiap perkara yang berlaku.**

Huraian: Sikap positif yang ditunjukkan oleh Waheeda dalam menerima nasihat yang diberikan oleh Dr. Qamariah.

2. **Peristiwa Izzati menerima pengakuan penyesalan ayahnya, Zahid terhadap Izzati dan Waheeda selama ini dengan hati yang ikhlas dan memaafkannya.**

Huraian: Izzati telah memaafkan ayahnya dan bermulanya kisah hidup yang lengkap dalam keluarga mereka.

3. **Peristiwa Waheeda mengatasi situasi dia dikeji oleh rakan-rakannya dengan mengingati kata-kata perangsang daripada ustazahnya bahawa dengan menyedari kekurangan diri akan menjadi pendorong untuk lebih berjaya.**

Huraian: Kejayaan dapat dicapai dengan kecekalan dan azam yang kuat untuk

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

G. BIMASAKTI MENARI karya Sri Rahayu Mohd. Yusop

1. Peristiwa Nurul Hafsa menjalankan tanggungjawabnya dengan melayan sekumpulan kanak-kanak dari Sekolah Rendah Kichihimahigashi, Hiroshima, Jepun. Sebagai Pegawai Sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Nurul Hafsa melayan dengan baik sekumpulan kanak-kanak tersebut untuk melihat bintang. Namun demikian, hasrat mereka tidak kesampaian akibat keadaan langit yang cerah. Nurul Hafsa berjanji kepada mereka untuk memastikan hasrat 15 orang kanak-kanak dari Jepun itu tercapai.

Huraian: Sikap bertanggungjawab dan sanggup menyelesaikan masalah dengan tindakan yang rasional.

2. Peristiwa keberanian Muhammad Taufik bersemuka dengan penjenayah setelah keluar dari hospital. Muhammad Taufik berani bersemuka dengan penjenayah di stesen PETRONAS untuk menyelamatkan Nurul Hafsa yang telah diculik oleh orang upahan Dato Johann Arlington-Majid.

Huraian: Keberanian untuk bertindak sendirian demi menyelamatkan nyawa orang lain.

3. Peristiwa Nurul Hafsa berani membuat pembentangan dan menyatakan cadangan berkenaan dengan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor di hadapan menteri besar, ahli akademik, ahli perniagaan dan orang awam di bangunan SUK Shah Alam. Walaupun cadangan mereka dibantah oleh Dato' Johann Arlington-Majid, namun mereka tetap meneruskan pembentangan tersebut.

Huraian: Kesanggupan berhadapan dengan pelbagai risiko demi memulihara alam sekitar.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

H. SILIR DAKSINA karya Nizar Parman

1. Peristiwa Abdullah bin Kayan menulis sebuah manuskrip dan mewasiatkannya kepada anaknya, Haiqal yang terpisah daripadanya sejak kecil sebagai bukti kerinduan dan kasih sayang kepada anaknya itu.

Huraian : Kasih sayang sejati seorang ayah terhadap anaknya.

2. Peristiwa Tauke Ong yang gigih mencari rezeki bagi menampung kehidupan keluarganya dengan menoreh getah pada waktu pagi dan meraih hasil kampung untuk dijual di pekan pada waktu petang demi menyara kehidupan keluarganya.

Huraian: Kegigihan melakukan pelbagai pekerjaan demi menanggung keperluan keluarga.

3. Peristiwa Abdullah Kayan yang telah berusaha mengembangkan seni tarian zapin. Beliau menghidupkan semula kumpulan zapin jincat D'Purnama dan menubuhkan Aksara untuk mengembangkan kesusasteraan dalam kalangan masyarakat Kampung Seri Purnama.

Huraian: Kepentingan menghidupkan dan meneruskan warisan budaya yang telah lama ditinggirkan agar tidak lenyap ditelan zaman.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

*Untuk Kegunaan Pemeriksa Kertas Jawapan
(Guru SBD Sahaja)*

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi – 20 markah
(b) Bahasa – 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
- gelaran
- penanda wacana

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa

- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Isi yang lengkap sahaja.								
	Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima					Markah Maksimum
(i)	Pendahuluan							2
(ii)	Isi Bahan 1							
	Fokus 1 (Langkah)	3	3	2	2	1	16	
	Fokus 2 (Punca)	4	2	3	2	4		
(iii)	Isi Bahan 2							
	Fokus 1 (Langkah)	1	1	1	1	1		
	Fokus 2 (Punca)	1	1	1	1	1		
(iv)	Isi Bahan 3							
	Fokus 1 (Langkah)	2	1	1	2	1		
Jumlah Isi		11	8	8	8	8		
(v)	Penutup/ Kesimpulan							2
		Jumlah Markah						20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan ayat sangat baik Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu Penggunaan kosa kata luas dan tepat Pengolahan sangat menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan ayat baik Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta, markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual).
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]**Markah**

**Petikan/ Rumusan/ Bahan/ Perenggan/ Penulisan/ Tulisan/ Karangan /
Perenggan/ Rencana ini**

- | | |
|---|---|
| P1 membincangkan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara untuk menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam dan punca / sebab / faktor orang ramai kurang menggunakan pengangkutan awam. | 2 |
| P2 membincangkan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara untuk menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam. | 1 |
| P3 membincangkan punca / sebab / faktor orang ramai kurang menggunakan pengangkutan awam. | 1 |

Isi [16 markah]

FOKUS 1 : Langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara untuk menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam

Bahan 1 (A)

- | | |
|---|---|
| A1 aspek kemudahan yang moden dan terkini perlu disediakan di dalam setiap pengangkutan awam | 2 |
| A2 syarikat pengangkutan awam menggantikan kenderaan yang lama dengan kenderaan yang lebih moden | 2 |
| A3 memberikan potongan harga bagi perjalanan jangka masa panjang | 2 |

Bahan 2 (B)

- | | |
|--|---|
| B1 menetapkan jadual perjalanan yang tetap dan sistematik | 2 |
|--|---|

Bahan 3 (C)

- | | |
|---------------------------------------|---|
| C1 mempergiat kempen kesedaran | 2 |
| C2 menyediakan stesen berpusat | 2 |

FOKUS 2 : Punca / sebab / faktor orang ramai kurang menggunakan pengangkutan awam

Markah

Bahan 1 (D)

- | | | |
|-----------|--|---|
| D1 | ada yang beranggapan bahawa pengangkutan awam disediakan hanya untuk golongan yang kurang mampu | 2 |
| D2 | mutu pengangkutan awam di Malaysia dikatakan ketinggalan | 2 |
| D3 | perkhidmatan teksi dan bas yang dijadikan pengangkutan awam sudah uzur dan tidak layak bergerak di atas jalan raya | 2 |
| D4 | kesulitan orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan pengangkutan awam pada waktu puncak | 2 |

Bahan 2 (E)

- | | | |
|-----------|--|---|
| E1 | Masa perjalanan pengangkutan awam di negara kita tidak tetap | 2 |
|-----------|--|---|

[Isi cukup : 8 isi dan mesti diambil daripada semua fokus dan semua bahan]

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|-----------|---|---|
| K1 | Semua pihak hendaklah bekerjasama menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam supaya lalu lintas lancar. | 2 |
| K2 | Semua pihak hendaklah bekerjasama menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam. | 1 |

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm